

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

Rainforest World Music Festival (RWMF)

Pemacu Industri Pelancongan dan Pertumbuhan Ekonomi Negara

Rainforest World Music Festival (RWMF) telah menjadi salah satu acara tahunan terpenting dalam kalendar pelancongan Sarawak sejak mula diperkenalkan pada tahun 1998. Festival muzik ini diadakan di Kampung Budaya Sarawak, Kuching, Sarawak setiap tahun. Festival ini juga memainkan peranan penting dalam memacu industri pelancongan dan serta ekonomi negeri Sarawak.

RWMF merupakan festival muzik bertaraf antarabangsa yang menggabungkan persembahan muzik tradisional dan kontemporari dari pelbagai negara. Ia menarik minat ribuan pelancong domestik dan antarabangsa setiap tahun, sekali gus mengukuhkan kedudukan Sarawak sebagai destinasi pelancongan yang unik. Selain itu, festival ini turut terkenal sebagai aktiviti hiburan bersama keluarga, menawarkan pelbagai acara menarik seperti bengkel muzik, pameran kebudayaan, dan persembahan pentas yang sesuai untuk pengunjung dari semua peringkat umur.

Acara RWMF memberi impak yang sangat besar terhadap industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi negara. Sejak mula diperkenalkan, RWMF telah menjadi salah satu daya tarikan utama pelancong ke Sarawak. Pada tahun ini sahaja, lebih 30,000 pengunjung menghadiri festival tersebut, termasuk lebih 10,000 pelancong antarabangsa dari negara-negara seperti Jepun, Australia, United Kingdom, dan Amerika Syarikat. Kehadiran pelancong ini bukan sahaja membantu meningkatkan kadar penginapan hotel di Kuching, tetapi juga membawa limpahan ekonomi kepada sektor-sektor lain seperti pengangkutan, perkhidmatan pelancongan, dan peruncitan tempatan.

Festival ini berfungsi sebagai platform penting untuk memperkenalkan Sarawak kepada dunia. RWMF bukan sekadar sebuah festival muzik; ia juga merupakan ruang untuk pelancong dan keluarga menikmati keunikan budaya serta alam semula jadi negeri ini. Penganjurannya memberi peluang kepada pelancong untuk mengenali Sarawak dengan lebih dekat, sekaligus meningkatkan kesedaran global terhadap destinasi pelancongan di negeri ini.





Dari sudut ekonomi, RWMF telah memberi sumbangan yang signifikan kepada pendapatan negeri Sarawak. Menurut maklumat Lembaga Pelancongan Sarawak, festival ini menyumbang jutaan ringgit melalui perbelanjaan pelancong terhadap penginapan, makanan, pengangkutan, dan aktiviti pelancongan lain. Ini termasuk peningkatan hasil bagi perniagaan tempatan seperti restoran, kedai cenderamata, dan penyedia perkhidmatan pelancongan.

Selain itu, RWMF turut mewujudkan peluang pekerjaan sementara dan tetap bagi komuniti tempatan. Setiap tahun, festival ini memerlukan khidmat ratusan pekerja dan sukarelawan, terutamanya dalam sektor perhotelan, catering, keselamatan, dan logistik. Ini memberi manfaat ekonomi langsung kepada penduduk setempat, terutamanya dalam membantu meningkatkan pendapatan isi rumah mereka.

Dalam usaha memperkukuhkan kedudukan Sarawak sebagai pusat pelancongan antarabangsa, penganjur RWMF terus berusaha menambah baik festival ini dari tahun ke tahun. Tahun ini, penganjur telah memperkenalkan elemen baharu seperti persembahan seni digital dan bengkel interaktif untuk menarik lebih ramai pengunjung muda serta keluarga. Usaha ini dilihat sebagai strategi penting dalam memastikan kelestarian dan daya saing festival untuk jangka masa panjang.

Di samping itu, kerajaan negeri Sarawak juga komited dalam mempertingkatkan infrastruktur pelancongan bagi menyokong pertumbuhan festival ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk peningkatan jaringan pengangkutan udara dan darat, serta pembangunan kemudahan penginapan dan hospitaliti bertaraf antarabangsa. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memberikan pengalaman terbaik kepada pelancong dan menjadikan Sarawak destinasi pilihan utama.

Secara keseluruhannya, Rainforest World Music Festival (RWMF) bukan sahaja mempromosikan keunikan budaya dan warisan muzik Sarawak di peringkat global, tetapi juga memberi impak positif kepada industri pelancongan dan ekonomi negeri serta negara. Sebagai aktiviti hiburan yang sesuai untuk seluruh keluarga, festival ini menawarkan pengalaman budaya yang mengasyikkan dan bermakna kepada pengunjung dari semua peringkat umur.

Dengan sumbangan langsung dan tidak langsung kepada ekonomi tempatan, festival ini membantu meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Melalui kejayaan penganjuran setiap tahun, RWMF terus membuktikan kepentingannya sebagai acara pelancongan utama yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak khususnya, dan juga kepada negara secara amnya. Dengan adanya festival muzik antarabangsa ini, secara tidak langsung memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka di Asia Tenggara.

Nurnazirah Jamadin
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Sarawak, Malaysia

Emel koresponden: irah@uitm.edu.my, nurnazirah293@gmail.com





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com